KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	24/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo 24.1.2022_12

Pak belang berkeliaran di Santong

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN – Penduduk Santong, Paka dan sekitarnya gempar dengan penemuan kelibat seekor harimau belang yang didakwa berkeliaran di perkampungan tersebut kelmarin.

Kelibat harimau tersebut sempat dirakam seorang pemandu kenderaan yang terserempak dengan haiwan liar itu sebelum memuat naik video terbabit ke media sosial sejak malam kelmarin.

Berdasarkan klip video yang berdurasi 33 saat tersebut, haiwan liar berkenaan kelihatan keluar dari kawasan semak sebelum berlegar-legar di laluan berbatu yang sering digunakan penduduk setempat.

Ramai penduduk setempat menyatakan kebimbangan kerana lokasi penemuan harimau belang tersebut terlalu hampir dengan penempatan penduduk.

Sebahagiannya pula mendakwa harimau belang tersebut merupakan haiwan yang sama menyerang lembu ternakan penduduk di Kampung Chabang, Kerteh pada 14 Januari lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Loo Kean Seong berkata, setakat ini, pihaknya masih belum menerima laporan berkenaan penemuan harimau belang tersebut.

"Bagaimanapun, kita akan melakukan siasatan berhubung dakwaan tersebut.

"Kita tidak tolak kemungkinan harimau belang itu berasal dari Hutan Simpan Rambai Daun berhampiran," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kean Seong berkata, biasanya haiwan liar dilindungi itu akan memasuki semula hutan simpan terbabit sekiranya tidak ada konflik atau kacau ganggu.

Begitupun, beliau memberitahu Perhilitan Terengganu akan melakukan pemantauan dan mengambil tindakan mengikut keperluan.



TANGKAP layar klip video yang mendakwa kehadiran kelibat harimau belang di Santong, Paka, Dungun semalam.